

04 NOV 2003

Samy-Raya

SEMUA KERJA PENYELENGGARAAN JALAN DIHENTIKAN SEHINGGA LEPAS RAYA

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Semua kerja-kerja penyelenggaraan dan penurapan jalan raya akan dihentikan sehingga selepas Hari Raya Aidilfitri sebagai salah satu usaha untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya menjelang musim perayaan, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata Jabatan Kerja Raya juga telah diarahkan supaya mengenal pasti kawasan-kawasan berbahaya dan seterusnya mengambil langkah untuk memastikan kawasan-kawasan tersebut selamat untuk para pengguna jalan raya.

"Kita juga akan memastikan supaya papan-papan tanda amaran disediakan di semua kawasan-kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan," katanya kepada media di lobi Parlimen di sini hari ini.

Katanya Ketua Pengarah Kerja Raya, Tan Sri Ir Zaini Omar telah diarahkan supaya mengadakan satu mesyuarat dengan semua jurutera daerah untuk melaksanakan tindakan-tindakan tersebut.

"Saya juga telah mengarahkan Tan Sri Zaini supaya membuat pengawasan dan penyeliaan rapi situasi trafik dan keadaan jalan raya di jalan-jalan Persekutuan," katanya.

Samy berkata Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga sudah diarahkan untuk mengawasi situasi di Lebuhraya Utara-Selatan, di mana dianggarkan satu juta kenderaan akan menggunakan lebuhraya tersebut pada musim perayaan ini.

Katanya LLM juga telah diarahkan untuk menyediakan dua buah helikopter bagi tujuan tersebut iaitu satu untuk memantau kawasan utara dan satu lagi di kawasan selatan.

"Bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya, LLM juga telah diminta untuk meningkatkan kerjasama dengan polis selain usaha keras meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya sendiri untuk sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan di sepanjang lebuhraya," katanya.

Tahun lalu sebanyak 12,239 kemalangan jalan raya dilaporkan berlaku pada musim-musim perayaan, dan kemalangan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri sahaja membabitkan 285 kematian.

Mengenai Lebuhraya Pantai Timur, Samy berkata lebuhraya itu tidak akan dibuka buat masa ini memandangkan masih banyak lagi kerja-kerja yang perlu dilakukan keatas lebuhraya tersebut.

"Pada dasarnya jalan itu sudah siap, tapi sistem tol dan banyak lagi perkara-perkara lain belum disiapkan. Kami tidak berhasrat untuk buka walau sebahagian daripada Lebuhraya Pantai Timur itu kerana ia akan disiapkan pada 2004, dan pada masa itu barulah kita buka lebuhraya tersebut sepenuhnya," katanya.

Sementara itu Samy juga turut mengumumkan pemberian peruntukan tambahan kepada Kementerian Kerja Raya di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

Katanya kementerian itu dijangka akan menerima peruntukan sebanyak RM8.3 bilion untuk pembangunan jalan dan RM2.6 bilion lagi untuk bekalan air bagi tahun 2004 dan 2005.

-- BERNAMA

SNS SNS AZH